

JUMAAT, 4 JULAI, 1980

Agama untuk perpaduan

PADA masa tanda-tanda sudah mulai kelihatan bahawa agama sedang diperalat untuk memecah-belah dan menimbulkan ketegangan bukan saja antara rakyat beragama Islam dengan yang tidak Islam, malah antara sesama Melayu dan Islam, ucapan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, selaku Timbalan Presiden UMNO, semasa merasmikan perhimpunan agung tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO semalam amatlah kena pada waktunya.

Seperti yang dijelaskan oleh beliau, sudah wujud segolongan yang begitu asyik kononnya mengejar syurga di akhirat sehingga mereka cuba mengubah agama Islam dari satu agama yang pragmatik dan toleran kepada satu agama yang ritualistik dan dogmatik. Tetapi apakah tujuan sebenar golongan ini untuk agama semata-mata masih menjadi tanda tanya. Yang jelas dari tindak-tanduk dan reaksi mereka terhadap beberapa peristiwa dan pergolakan ialah mereka ini mengamalkan nilai yang berbeza untuk diri mereka sendiri dan untuk orang lain.

Jika mereka berjaya dengan tindak-tanduk mereka sekarang, akibatnya amatlah buruk. Masyarakat Islam terbahagi dua, seperti kata Dr. Mahathir. Bahagian-bahagian ini pula dipecah-pecahkan lagi — dengan yang menganggap diri mereka betul Islam pun terbahagi kepada beberapa kumpulan yang saling bertentangan sementara kumpulan yang dikatakan tidak Islam juga terbahagi kepada berbagai kumpulan. Walaupun pada peringkat awalnya ini mungkin mencapainya matlamat mereka yang tersendiri, akhirnya negara ini akan terperangkap ke dalam rahang campur tangan politik luar seperti yang berlaku di beberapa negara sekarang.

Bagaimanapun ini tidak mungkin akan berlaku selagi UMNO tetap pada perjuangannya dengan menjadikan agama landasan perpaduan, dan ahli-ahlinya tidak mudah terpengaruh dengan golongan-golongan pemecah itu, ataupun menyertainya semata-mata sebagai usaha merebut kedudukan, ataupun membalas dendam hasil dari perselisihan-perselisihan dalam parti. Selagi tiap sayap UMNO boleh mengekalkan dasar dan perjuangan asalnya, selagi itulah lebih ramai generasi muda akan tertarik kepadanya. Sesungguhnya pula usaha menarik generasi muda ini amat penting kerana, jika tidak, sebahagian mereka akan terperangkap sama ke dalam laungan golongan pemecah itu.

Semalam pertarungan merebut jawatan utama dalam Pemuda dan Wanita telah mendapat keputusan muktamad yang dijalankan secara demokrasi. Hendaknya ia diterima dengan semangat demokrasi juga, dan semoga dengannya UMNO akan terus teguh melindungi bangsa, agama dan negara.